

28 JAN 2003

Mahathir-El-Banna/I (Bergambar)

PRESIDEN ISLAMIC RELIEF KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 28 Jan (Bernama) -- Presiden Islamic Relief Dr Hany El-Banna yang berada di negara ini untuk lawatan empat hari sejak Ahad, mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dalam pertemuan selama satu jam itu, Dr Hany dan Dr Mahathir membincangkan pelbagai isu berhubung kemajuan dan pembangunan infrastruktur Malaysia seperti telekomunikasi, automotif, industri teknologi tinggi dan teknologi maklumat.

Pada persidangan akhbar selepas pertemuan itu, Dr Hany memuji kemajuan yang dilakukan Dr Mahathir sepanjang 21 tahun perkhidmatannya dan kejayaan beliau dalam menukar Malaysia daripada negara ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian.

Dr Hany dan Dr Mahathir turut berbincang perkara mengenai Islam seperti memperbaiki imej Islam dan umat Islam, cara untuk maju ke depan serta perpaduan antara umat Islam dan penganut agama lain dan bagaimana mereka bekerjasama untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik untuk didiami.

Sementara itu, mengulas perkembangan di Iraq, pembantu peribadi Dr Hany, Khalid Almulad berkata Islamic Relief telah membuka pejabat di Iraq.

Khalid, yang telah mengunjungi Baghdad dua kali dalam tempoh tiga bulan, berkata daripada pemerhatiannya, kira-kira 1,200 sekolah di Baghdad memerlukan pemulihan dan kadar pelajar yang gagal adalah tinggi kerana kebanyakan sekolah tidak dapat beroperasi dengan efisien.

Beliau juga berkata Baghdad amat memerlukan sebuah pusat leukaemia berikutan kadar mereka yang menghidapi kanser adalah tinggi sejak sedekad lalu.

Islamic Relief, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang diasaskan di United Kingdom pada 1984, merupakan badan kebajikan bantuan dan pembangunan yang bertujuan mengurangkan penderitaan penduduk termiskin dunia.

Pertubuhan ini mendapat status perunding dengan Majlis Ekonomi dan Sosial PBB serta merupakan penandatanganan kepada kod etika bagi Palang Merah Antarabangsa dan Pergerakan Bulan Sabit Merah serta NGO dalam bantuan bencana.

Dr Hany yang juga pengasas Islamic Relief akan berlepas ke United Kingdom esok.

-- BERNAMA

MFZ KHY RON